

KESELAMATAN DAN EKONOMI TERJEJAS DI INDO- PASIFIK

SAINS SOSIAL – ANTARABANGSA

THIPVARI A/P SAM RAN

2024

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

FAKULTI PERNIGAAAN, EKONOMI DAN PEMBANGUNAN SOSIAL

ABSTRAK

Indo-Pasifik ialah istilah yang digunakan untuk menggambarkan wilayah luas yang merangkumi Lautan Hindi dan Lautan Pasifik barat dan tengah, termasuk laut di sekitar Asia Tenggara, Australia, dan pantai barat Amerika Syarikat. Ia merupakan wilayah yang mempunyai kepentingan strategik yang besar kerana kepentingan ekonomi, politik dan keselamatannya. Kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti faktor keselamatan dan ekonomi terjejas di Indo-Pasifik, menghuraikan kesan kepada keselamatan dan ekonomi di Indo-Pasifik dan juga dijalankan untuk menyatakan langkah-langkah untuk menjaminkan keselamatan dan ekonomi di Indo-Pasifik. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu menggunakan kaedah kepustakaan sahaja untuk mendapatkan segala maklumat yang berkaitan dengan Indo-Pasifik iaitu daripada artikel, buku dan juga berita talian. Berdasarkan dapatan kajian daripada bahan rujukan ini, faktor utama menjejaskan keselamatan dan ekonomi di Indo-Pasifik ialah perlumbaan senjata atau peperangan digital antara China dengan Amerika Syarikat, perkara ini telah memberi kesan buruk terhadap keselamatan dan juga ekonomi kepada dua-dua negara ini. Setelah menjanlankan kajian ini dapat mengetahui bahawa hubungan baik dan kerjasama antara negara serantau adalah sangat penting bagi menjaminkan keselamatan dan kestabilan ekonomi.

Kata kunci : Indo-Pasifik, keselamatan, ekonomi, perlumbaan senjata

ISI KANDUNGAN

1.0 PENGENALAN.....	1
2.0 PERNYATAAN MASALAH	3
3.0 OBJEKTIF KAJIAN	6
4.0 TEORI YANG DIGUNAKAN DALAM EKONOMI DAN KESELAMATAN INDO-PASIFIK.....	10
4.1 Teori Marxism	10
4.2 Teori Realisme	11
5.0 DAPATAN KAJIAN.....	12
5.1 Faktor keselamatan terjejas di Indo-Pasifik	12
5.2 Faktor Ekonomi Terjejas di Indo-Pasifik	14
5.3 Kesan kepada Keselamatan di Indo-Pasifik	16
5.4 Kesan kepada ekonomi di Indo-Pasifik.....	18
5.5 Langkah untuk Menjamin Keselamatan dan Ekonomi di Indo-Pasifik	18
6.0 KESIMPULAN	17

1.0 PENGENALAN

Indo-Pasifik ialah istilah yang digunakan untuk menggambarkan wilayah luas yang merangkumi Lautan Hindi dan Lautan Pasifik barat dan tengah, termasuk laut di sekitar Asia Tenggara, Australia, dan pantai barat Amerika Syarikat. Ia merupakan wilayah yang mempunyai kepentingan strategik yang besar kerana kepentingan ekonomi, politik dan keselamatannya. Istilah "Indo-Pasifik" telah semakin menonjol dalam beberapa tahun kebelakangan ini apabila negara-negara di rantau termasuk kuasa besar seperti Amerika Syarikat, China dan India, telah berusaha untuk menyatakan visi dan strategi mereka untuk masa depan rantau. Indo-Pasifik dinyatakan sebagai pusat graviti ekonomi dan geopolitik dunia yang mana wilayah ini menjadi pusat teater dalam persaingan antara Amerika Syarikat dan China untuk membentuk perjalanan abad ke-21 (Relations, 2023). Indo-Pasifik dilihat sebagai satu kawasan yang mempunyai potensi dalam persaingan politik dan ketenteraan serta menjadi pusat pertumbuhan ekonomi dunia. Inisiatif ekonomi dan dinamik politik telah membuka ruang baharu untuk kerjasama global dan serantau.

Semua negara yang terlibat dalam Indo-Pasifik menegaskan bahawa mereka tidak berhasrat untuk mewujudkan institusi serantau baharu tetapi mereka mahu menggunakan seni bina dan sikap sedia bekerjasama serantau sedia ada untuk mengukuhkan kerjasama dengan negara di dalam Indo- Pasifik (Vashisht, 2023). Beberapa negara di bawah Indo-Pasifik membentuk rakan kongsi dan bersekutu untuk mengejar kepentingan mereka termasuk dalam melibatkan diri dalam membentuk rangkaian keselamatan yang baharu. Negara yang berada di dalam Indo-Pasifik ialah Amerika Syarikat, Australia, Bangladesh, Bhutan, Brunei, Britain, Kemboja, *Democratic People's Republic of Korea* atau Republik Rakyat Demokratik Korea (DPRK), Francis, India, Indonesia, Jepun, Laos, Malaysia, Maldives, Mongolia, Myanmar, Nepal, New Zealand, Negara Lautan Pasifik (terdapat 14 negara), Pakistan, Republik Rakyat China atau *People's Republic of China* (PRC), the Philippines, Republik Korea atau *Republic of Korea* (ROK), Singapura, Sri Lanka, Taiwan, Thailand, Timor Leste dan Vietnam (Canada, 2023). Matlamat Rangka Kerja Ekonomi Indo-Pasifik untuk Kemakmuran atau *Indo- Pacific Economic Framework for Prosperity* (IPEF) iaitu untuk mengukuhkan penglibatan ekonomi dalam kalangan negara rakan kongsi dengan matlamat untuk memajukan pertumbuhan, keamanan dan kemakmuran di rantau ini.

Rantau Indo-Pasifik telah menggunakan Rangka Kerja Ekonomi Indo-Pasifik untuk Kemakmuran (IPEF) sebagai inisiatif ekonomi untuk menangani cabaran ekonomi dan

menggalakkan kerjasama ekonomi. IPEF mewakili usaha kerjasama antara negara di rantau ini untuk memupuk keselamatan ekonomi, teknologi yang dipercayai dan kerjasama keselamatan. Rangka kerja ini bertujuan untuk menjadikan rantaian bekalan lebih berdaya tahan, teguh, dan disepadukan dengan baik melalui langkah tindak balas krisis, kerjasama untuk mengurangkan gangguan untuk memastikan kesinambungan perniagaan dengan lebih baik, dan menambah baik logistik serta kesinambungan. IPEF adalah sebahagian daripada usaha yang lebih luas untuk membentuk landskap institusi ekonomi di Indo-Pasifik dan menangani pelbagai cabaran yang dihadapi oleh rantau ini. Ia memberi tumpuan kepada bidang seperti kerjasama maritim, ketersambungan, pembangunan mampan, rantaian bekalan, mineral kritikal dan kerjasama teknologi. Rangka kerja ini bertujuan untuk menggalakkan kerjasama dan pembangunan ekonomi di rantau ini, dengan tumpuan untuk meningkatkan keselamatan ekonomi dan menangani isu ekonomi serta keselamatan yang saling berkaitan (Delhi, 2023).

Strategi untuk rantau Indo-Pasifik adalah untuk mewujudkan Indo-Pasifik yang bebas dan terbuka, sambil menentang peningkatan penguasaan strategik dan ekonomi China di rantau ini. Pihak berkepentingan di rantau ini, termasuk Amerika Syarikat, Jepun, Australia, dan India menyokong visi Indo-Pasifik yang menggalakkan keselamatan, ketersambungan dan kerjasama ekonomi. Walau bagaimanapun, terdapat kekurangan konsensus dalam kalangan pihak berkepentingan mengenai peranan China di rantau ini. Rantau ini dilihat sebagai pusat perniagaan dan perdagangan global. Melalui perdagangan ini ia dapat meningkatkan ketersambungan fizikal dan digital, mempelbagaikan rangkaian perdagangan dan membina infrastruktur yang berdaya tahan adalah aspek utama strategi. Ia juga penting untuk menangani kebimbangan alam sekitar dan cabaran perubahan iklim di rantau ini. Ekonomi Indo-Pasifik ialah landskap yang dinamik dan pelbagai dengan peluang besar untuk pertumbuhan, perdagangan dan pelaburan. Usaha untuk meningkatkan integrasi ekonomi, inovasi, dan pembangunan infrastruktur adalah penting untuk merealisasikan potensi ekonomi rantau ini dan menangani cabarannya (Ghosh et. Al, 2022).

Kerjasama keselamatan di Indo-Pasifik melibatkan usaha kerjasama antara negara di rantau ini memainkan peranan penting dalam menguruskan persaingan kuasa utama dan menggalakkan kestabilan dan kemakmuran serantau. Cabaran ini termasuk isu keselamatan tradisional seperti pertahanan ketenteraan, serta isu keselamatan bukan tradisional seperti keselamatan maritim, bantuan kemanusiaan dan tindak balas bencana, operasi pengaman, tindakan lombong kemanusiaan, keselamatan siber, serta bukan percambahan dan pelucutan senjata. Dalam konteks persaingan strategik ialah kerjasama keselamatan dan istilah

"keselamatan" tidak lagi terhadap kepada aspek ketenteraan. Ia merangkumi elemen seperti ekonomi dan teknologi, serta hampir semua isu dua hala cenderung dirangka menjadi "persaingan strategik" (BAKER, 2023).

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Antara isu dalam domain keselamatan dan ekonomi Indo-Pasifik ialah pergantungan dan kelemahan yang berlebihan. Pergantungan Kesatuan Eropah (EU) terhadap bahan mentah dan input dari negara luar seperti China akan menghadkan keupayaan untuk bertindak. Malahan, kejutan seperti pandemik Covid-19 dan perang pencerobohan Rusia ke atas Ukraine menimbulkan risiko yang wujud disebabkan pergantungan ekonomi yang berlebihan (European Union, 2023). Risiko ini, jika tidak diuruskan dengan betul akan menggugat fungsi masyarakat demokratik dan ekonomi EU kerana ia menghadkan keupayaan untuk bertindak. Hal ini dapat dikaitkan dengan kedaulatan dan kebebasan Kesatuan Eropah (EU). Pada tahun 2021, Suruhanjaya Eropah mengumumkan bahawa 98 peratus daripada sumber bumi yang digunakan dalam Kesatuan Eropah (EU) telah diimport dari China. Pendedahan ini telah mendorong Brussels untuk menggesa negara anggota untuk membangunkan rantaian bekalan mereka sendiri (Berita Harian, 2023). Unsur nadir bumi ialah koleksi 17 logam khas dengan risiko bekalan yang tinggi dan kepentingan ekonomi yang besar yang digunakan dalam pelbagai aplikasi berteknologi tinggi. Nadir Bumi (REE+) kini merangkumi pelbagai aspek kehidupan manusia, malah wujud dalam cakera padat, lif, dan kereta api. Ia memainkan peranan penting dalam bidang tenaga hijau yang berkembang pesat, penjana turbin angin, dan enjin kereta elektrik. China adalah rakan kongsi terbesar untuk mengimport unsur nadir bumi, menyumbang 40% daripada jumlah berat import, yang berjumlah 7.4 ribu tan. Ia diikuti oleh Malaysia, menyumbang 31% daripada import, atau 5.6 ribu tan, dan Rusia, dengan 25% daripada import, atau 4.5 ribu tan. Amerika Syarikat dan Jepun masing-masing memegang 2% bahagian dalam import unsur nadir bumi ke dalam Kesatuan Eropah (Suruhanjaya Eropah, 2023). Oleh itu, Kesatuan Eropah kini mengambil iktibar daripada pengalaman lalu dan berusaha untuk mengurangkan pergantungan berat kepada satu sumber, seperti kes dengan Rusia untuk bekalan minyak dan gas. Pergantungan ini terjejas teruk apabila hubungan EU- Rusia terganggu berikutan pencerobohan Ukraine.

Selain itu, persaingan teknologi yang semakin meningkat adalah isu dalam domain keselamatan dan ekonomi Indo-Pasifik. Persaingan strategik dalam teknologi baru muncul, terutamanya dalam kecerdasan buatan (AI) dan teknologi keselamatan lain di rantau Indo-Pasifik khususnya antara Amerika Syarikat dan China telah menjadi tumpuan. Amerika Syarikat telah mengiktiraf kepentingan strategik teknologi baru muncul di rantau Indo-Pasifik yang melibatkan bidang AI dan juga teknologi keselamatan lain. Antara teknologi keselamatan tersebut termasuk ruang siber, semikonduktor, rangkaian 5G, robotik, pengkomputeran kuantum, dan analisis data besar (Johnson, 2022). Oleh sebab itu, perkembangan kritikal dalam teknologi Washington di Indo-Pasifik dan AI Amerika Syarikat dapat dilihat di rantau ini. Hal ini disebabkan AI kini amat penting bagi menyelesaikan sebarang kerja yang kompleks kerana ia menjimatkan masa dan tenaga manusia (Azmi, 2019). Teknologi ini termasuk salah satu dari cabang sains yang menjadikan sesuatu benda mempunyai kepintaran seperti manusia. Namun demikian, Amerika Syarikat telah bertindak untuk mengatasi usaha China dalam teknologi melibatkan AI dan matlamat geopolitiknya yang lebih luas. Hal ini kerana Jabatan Pertahanan Amerika Syarikat bimbang akan potensi kesan kemajuan China dalam AI dan teknologi baru muncul yang lain akan menjejaskan kebolehpercayaan dan keselamatan sistem senjata (Johnson, 2022). Oleh sebab itu, Jabatan Perdagangan telah melakukan sekatan ke atas eksport cip AI ke China kerana bimbang ia akan menjejaskan keselamatan negara. Kesannya, saham pembuat cip Amerika Syarikat seperti Nvidia, AMD dan Micron telah jatuh (Denver, 2023). Hal ini terjadi apabila terdapat dakwaan bahawa cip tersebut akan digunakan untuk tujuan ketenteraan. Pembangunan teknologi keselamatan yang baru, diwujudkan berdasarkan penyelidikan dan pembangunan yang berpaksikan ketenteraan dilihat sebagai satu langkah bagi mengekalkan kepimpinan teknologi Amerika Syarikat dan menyukarkan negara kecil untuk menirunya.

Isu berkaitan domain keselamatan dan ekonomi Indo-Pasifik yang seterusnya ialah peralihan imbalan kuasa di Indo-Pasifik. Kesan kebangkitan China dirasai di seluruh Indo-Pasifik terutamanya melalui pelaburan dalam Inisiatif Jalur dan Jalan atau *Belt and Road Initiative (BRI)*. China telah mempromosikan projek BRI, bernilai AS\$ 1 trillion, yang dikatakan akan membawa kemakmuran ekonomi kepada negara-negara yang mengambil bahagian. Projek ini melibatkan ratusan projek yang dibangunkannya bersama negara-negara yang mengambil bahagian termasuk Malaysia. Walau bagaimanapun, projek-projek BRI ini sebenarnya dipandang dengan syak wasangka oleh Barat, khususnya Amerika Syarikat. Hal ini kerana ia dilihat hanya melayani kepentingan China dan bukannya negara yang mengambil

bahagian. Terdapat beberapa projek BRI lebih tertumpu untuk memenuhi kepentingan strategik China berbanding memenuhi keperluan komersial. Menurut bekas Menteri Penyelaras Hal Ehwal Maritim Indonesia, Dr Rizal Ramli berkata pengkritik BRI mendakwa bahawa ia adalah "perangkap hutang", iaitu skim yang direka untuk membolehkan Beijing merampas kawalan ke atas aset strategik. Tamsilnya, Pelabuhan Hambantota di Sri Lanka, yang jaraknya 250 km dari ibu negeranya, dan kini telah terbukti sebagai projek membebankan dan merugikan. Pelabuhan Hambantota dibuka pada tahun 2010, tetapi menjelang tahun 2012, hanya 34 buah kapal dagang telah singgah di pelabuhan tersebut. Pada tahun 2015, kerajaan Sri Lanka telah setuju untuk memajukan pelabuhan itu dan 15,000 ekar tanah sekitarnya kepada China selama 99 tahun kerana mereka gagal membayar balik pinjaman yang digunakan untuk membinanya. Hal ini demikian kerana pinjaman tersebut diperoleh daripada institusi kewangan China (Defence Security Asia, 2021). Dalam pada itu, peningkatan ketenteraan China juga menambahkan lagi kebimbangan Amerika Syarikat akibat kurangnya ketelusan dan pelbagai aspek program pembangunan ketenteraan China. Namun, yang lebih membimbangkan kami ialah tingkah laku China di rantau ini, termasuk tindakan agresifnya di Laut China Selatan dan Laut China Timur yang bertujuan meluaskan tuntutan wilayah China secara agresif dan menjejaskan kedaulatan sekutu serantau Indo-Pasifik. Jelaslah bahawa tindakan paksaan ekonomi China untuk memajukan tuntutan dan menghukum negara-negara yang menyinggung sensitivitinya akan meninggalkan kesan besar terhadap keselamatan dan ekonomi Indo-Pasifik (Johari, 2021).

Akhir sekali, isu yang berkaitan domain keselamatan dan ekonomi Indo-Pasifik ialah keselamatan maritim dan ketahanan ekonomi. Dari segi keselamatan, rantau Indo-Pasifik sedang mengalami peningkatan dalam bahaya maritim dan masalah yang boleh memberikan halangan yang teruk kepada penggunaan bebas laut, yang menjejaskan perdagangan serantau melalui laut. Antara negara utama seperti Amerika Syarikat, India, China, Australia, Jepun, Indonesia dan Afrika Selatan bersaing untuk mendapatkan ketuanan di rantau Indo-Pasifik. Keselamatan terganggu apabila terdapat peningkatan dalam ancaman asimetri daripada jenayah transnasional, termasuk cetak rompak moden, keganasan dan pengedaran dadah di rantau ini (Arya, 2022). Oleh itu, semua pihak yang berkepentingan telah lantang menuntut peningkatan keberkesanan dalam penguatkuasaan undang-undang dan pemeliharaan ketenteraman maritim akibat daripada peningkatan ini. Malangnya, di sebalik kepentingan laut, tadbir urus laut dan strategi yang diselaraskan untuk menangani pelbagai bahaya dan cabaran marin tidak diberi perhatian yang sewajarnya. Kuasa maritim utama yang bertanggungjawab untuk mengekalkan "ketertiban maritim" di rantau ini ialah India dan Amerika Syarikat (Arya, 2022). Sebagai

contoh, konfrontasi tegang antara kapal Filipina dan China di kawasan Laut China Selatan, melibatkan pelanggaran dan kapal China menembak meriam air (BERNAMA, 2023). Keadaan ini jelasnya menjadi semakin rumit. Justeru itu, adalah menjadi kepentingan semua negara untuk bekerjasama rapat dalam perkara berkaitan keselamatan maritim. Dari segi ketahanan ekonomi, inisiatif Amerika Syarikat dalam memperkukuhkan kerjasama daya tahan ekonomi dengan rakan dagangannya di rantau Indo-Pasifik melalui IPEF pada tahun 2022 menimbulkan tanggapan daripada pelbagai pihak. Walau bagaimanapun, Amerika Syarikat menuntut inisiatif itu bermatlamat bagi mengukuhkan hubungan dan membabitkan diri dalam isu ekonomi serta perdagangan yang penting dalam negara yang terlibat. Antara negara yang mengambil bahagian dalam inisiatif tersebut termasuk Malaysia, Brunei, Singapura, Vietnam, Thailand, Filipina, Australia, New Zealand, Fiji, India, Jepun dan Korea Selatan (Amani, 2023). Antara teras utama dalam IPEF ialah perdagangan, rangkaian bekalan, ekonomi bersih, dan ekonomi adil (Yahaya, 2023). Dalam pada itu, tindakan kerajaan Malaysia menyertai perjanjian perdagangan itu, telah menerima kritikan pelbagai pihak kerana ia memberi impak yang besar terhadap golongan nelayan kecil. Hal ini kerana ia melibatkan peraturan alam sekitar yang mengenakan peraturan dan sekatan subsidi kepada nelayan di kawasan paya bakau. Sebaliknya, nelayan yang menggunakan bot besar dan melakukan penangkapan ikan secara berlebihan tidak dihukum. Oleh itu, terdapat juga persepsi bahawa perjanjian perdagangan ini hanya meliberalisasikan ekonomi Malaysia tanpa manfaat besar terhadap perdagangan mahupun penambahbaikan sosioekonomi rakyat Malaysia malah kawal selia yangburuk (Arumugan, 2023).

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Terdapat tiga objektif kajian yang akan dijalankan untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengantajuk kajian, iaitu :

1. Untuk mengenalpasti faktor keselamatan dan ekonomi terjejas di Indo-Pasifik
2. Untuk menghuraikan kesan kepada keselamatan dan ekonomi di Indo-Pasifik
3. Untuk menyatakan langkah-langkah untuk menjamin keselamatan dan ekonomi di Indo-Pasifik

4.0 TEORI YANG DIGUNAKAN DALAM EKONOMI DAN KESELAMATAN INDO-PASIFIK

4.1 Teori Marxism

Teori yang terkandung dalam hubungan antarabangsa merujuk kepada panduan serta prinsip yang dapat digunakan untuk analisis peristiwa yang mana ia terjadi antara hubungan di antara negara. Salah satu ialah teori Marxism. Teori Marxism ini bermaksud suatu hubungan yang berkembang daripada perjuangan kelas serta kapitalisme dalam kuasa global dan sistem ekonomi. Pencetus bagi teori marxism ini ialah Karl Marx serta diasaskan oleh Friedrich Engels dan Vladimir Lenin. Teori Marxism ini menekankan kepada kasta atau kategori yang membentuk tingkah laku negara serta sistem antarabangsa. Selain itu juga, teori ini memfokuskan kepada pembahagian kelas atau kategori yang mana ia adalah antara punca utama konflik di dalam masyarakat. Masalah ekonomi mempunyai kaitan yang sangat relevan dengan teori Marxism ini menekankan kepada masyarakat untuk membentuk sosialis yang mempunyai hak sama rata dari segi politik serta ekonomi tanpa adanya pembahagian kelas.

Dalam pembahagian kelas atau kasta masyarakat, golongan atasan (bugeois) yang mana dilihat menindas golongan bawahan (proletariat) dengan terus sehingga berlakunya perbezaan yang amat ketara dalam ekonomi bagi golongan-golongan ini. Perkara utama ialah konflik kelas yang mengetengahkan berkenaan perbezaan golongan bawahan dan golongan atasan iaitu dari segi perdagangan ekonomi. Teori Marxism juga memfokuskan kepada ekonomi yang mempengaruhi sesebuah negara (Brock, 2023). Negara maju seperti Amerika Utara, Eropah, Jepun dan China merupakan kawasan utama pengeluaran dan perdagangan bebas serta pemusatan pemilikan modal. Selain itu juga, berdasarkan teori Marxism ini menyatakan bahawa ekonomi sekarang ini dipengaruhi negara kapitalis dimana ia berkuasa ke atas sumber dan pasaran melalui pengaruh serta kawalan mereka di negara yang kurang maju dan membawa kepada berlakunya eksploitasi ekonomi dan penguasaan politik. Negara maju seperti Rusia dan China ingin meluaskan pengaruh serta kawalan mereka ke atas negara yang kurang maju. Kumpulan negara maju mendapat keuntungan yang banyak dapat memanipulasikan sesuatu sistem dunia disebabkan oleh pengaruh serta kekuatan yang dimilikinya. Melalui perjanjian dalam perdagangan bebas, negara berkuasa besar seperti United Kingdom, Amerika Syarikat, serta negara Jepun menggunakan kelebihan dalam ekonomi yang sedia ada untuk menarik minat negara-negara yang mempunyai ekonomi yang rendah untuk menyertai.

Teori ini juga memfokuskan kepada eksploitasi ekonomi. Berdasarkan teori Marxism, ekonomi sekarang ini memonopoli industri syarikat gergasi seperti telefon yang akan memonopoli industri komunikasi. Persaingan dalam memonopoli industri komunikasi iaitu bersaing untuk teknologi rangkaian 5G di antara negara Amerika Syarikat dan China menyebabkan ekonomi akan terjejas. Kekuatan sesebuah negara pada masa sekarang bukan lagi diukur melalui keluasan tanah malah kebolehan mencipta serta memiliki teknologi yang tinggi. Untuk menjadi negara terkuat di dunia, mereka bersaing untuk memajukan teknologi tinggi. Sesebuah negara yang mampu mengeluarkan jenama atau produk yang mampu menjadi unggul dan terkenal di pasaran dunia merupakan antara negara yang terkuat. Setakat ini, negara Amerika Syarikat merupakan negara yang memegang kuasa pasaran iaitu mempunyai teknologi ketenteraan dunia yang terunggul (Tumin, 2023). Teori ini sangat penting untuk memahami tentang keadaan yang berlaku di dalam sistem antarabangsa masa kini serta menjadi pandangan yang kritikal di dalam hubungan antarabangsa.

4.2 Teori Realisme

Dalam konteks hubungan antarabangsa teori Realism ini menekankan kepada persaingan kuasa atau kekuatan dan faktor keamanan merupakan antara pendorong yang utama tindakan sesebuah negara. Elemen utama teori ini ialah keseimbangan dari segi kekuatan negara. Keseimbangan kekuatan amat penting untuk memastikan, menentukan keamanan dan kestabilan sesebuah negara ketika berlakunya gangguan keseimbangan, peningkatan ketegangan dan masalah konflik. Menurut teori Realism ini menekankan bahawa peranan kekuasaan ketenteraan merupakan aspek utama untuk mencapai dan mengekalkan keselamatan negara. Keupayaan kekuasaan keselamatan yang kuat merupakan cara yang berkesan dalam memastikan keselamatan, mencegah daripada sebarang ancaman dan menyediakan kelebihan dari segi tawar menawar dalam hubungan antarabangsa. Sebagai contoh, negara China mengalami pertumbuhan yang pesat dalam keupayaan ketenteraan iaitu peluru berpandu, angkatan tentera yang moden, pembangunan kapal induk, serta teknologi ketenteraan yang tinggi. Pembangunan sistem berpeluru berpandu balistik serta kapal yang menjadi pengangkut pesawat telah menunjukkan bahawa China berusaha untuk mendapatkan penguasaan ketenteraan di kawasan rantau ini (Aslam, 2021). Teori ini menekankan bahawa kepentingan negara merupakan aspek utama dalam memfokuskan kepada persaingan, perjuangan dalam pencapaian dan mempertahankan kuasa.

Selain itu teori ini juga menekankan tentang konflik serta persaingan yang sentiasa berlaku dalam hubungan antarabangsa. Negara-negara ini bersaing untuk mendapatkan kuasa, pengaruh, dan sumber. Persaingan dan konflik yang menunjukkan ketegangan di antara negara sebagai contoh persaingan dalam maritim di Laut China Selatan. Negara China, Filipina dan Vietnam bersaing sesama mereka untuk mendapatkan sumber ke atas Laut China Selatan. Persaingan ini menjadikan ketegangan konflik kepulauan, berlakunya perebutan wilayah, eksploitasi gas dan minyak, sumber dan sebagainya. Perebutan wilayah ini menyebabkan negara seperti Filipina, China, dan Vietnam bersaing untuk perebutan wilayah yang bertentangan di Laut China Selatan seperti persaingan untuk mendapatkan kepulauan Spratly. Tindakan antara negara-negara tersebut bersaing dan perebutan wilayah dalam menguasai kepulauan. Perkara ini menyebabkan timbulnya ketegangan dan penambahan konflik. Hal ini boleh menyebabkan ancaman keselamatan marin dan ketidakstabilan sesuatu kawasan. Selain itu, berlakunya persaingan sumber seperti minyak dan gas di kawasan perairan Laut China Selatan. Hal ini menyebabkan berlakunya persaingan antara negara untuk mengawal dan mengeksploitasi sumber yang menyebabkan berlakunya ketegangan. Laut China Selatan merupakan kawasan perairan yang kaya dengan sumber iaitu perikanan dan sebagainya. Persaingan maritim di Laut China Selatan ini bukan sahaja melibatkan keselamatan malah ia juga berkait dengan ekonomi, hak asasi manusia serta politik. Isu perebutan wilayah ini akan menyebabkan berlakunya ketegangan yang menyebabkan berlakunya kuasa besar iaitu campur tangan daripada Amerika Syarikat (Yahaya I. H., 2023).

5.0 DAPATAN KAJIAN

5.1 Faktor keselamatan terjejas di Indo-Pasifik

Antaranya, faktor yang menyebabkan keselamatan terjejas di searantau Indo-Pasifik ialah perlumbaan senjata. Aplikasi ketenteraan teknologi kecergasan buatan (AI) telah berkembang dalam skala kecanggihan. Perkara ini telah membimbangkan Amerika Syarikat berkaitan dengan keselamatan negara dan persaingan antarabangsa. AI ini merupakan pertahanan menyifatkan kepantasan dan teknologi keselamatan yang baru sahaja diwujudkan. AI juga mewujudkan revolusi ketenteraan dengan mencetuskan perlumbaan senjata dalam teknologi keselamatan dan meningkatkan kelajuan dalam peperangan moden seperti nuklear. Terdapat juga kemajuan dalam sistem senjata, contohnya serangan siber, senjata anti-satelit dan

teknologi peluru berpandu hipersonik. Hal ini boleh menyebabkan ketidakstabilan perlumbaan senjata antara kuasa besar seperti China, Rusia dan Amerika Syarikat di rantau Indo-Pasifik apabila negara ini bersaing untuk memodenkan dan mengejar teknologi keselamatan. Amerika Syarikat berasa tidak puas hati dan berasa bimbang dengan China tentang pencapaian AI dan kuasa bersenjata (Johnson, 2022). Rentetan daripada itu, hubungan baik antara dua negara ini akan terjejas disebabkan oleh persaingan teknologi keselamatan.

Selain itu, ancaman maritim juga merupakan faktor yang menyebabkan keselamatan di serantau Indo-Pasifik terjejas. Sebagai contoh, berlakunya pemberontakan Houthi pada tahun 2014, iaitu perang di Yaman. Perkara ini telah memberi kesan yang besar kepada keselamatan di wilayah maritim bersebelahan. Pemberontakan ini, adalah melalui serangan di laut dan juga udara, dengan menggunakan peluru berpandu anti kapal serta bot letupan yang dikawal dari jauh. Serangan ini telah merosakkan kira-kira 10 kapal yang tidak dapat dibaiki dan menyerang infrastruktur Saudi yang berkaitan secara strategik. Pemberontakan ini juga menggunakan teknologi *Unmanned Aerial Vehicle* atau Pengangkutan Udara Tanpa Pemandu (UAV), dan mereka ini juga melakukan serangan udara di medan minyak (Valenti, 2022). Terdapat juga isu lain yang kerap berlaku di rantau Indo-Pasifik ialah pengedaran dadah narkotik dan bahan psikotropik, penangkapan ikan, cetak rompak, penyeludupan senjata dan pemerdagangan manusia (Karim, 2020). Perkara ini telah menjejaskan tahap keselamatan di serantau tersebut.

Di samping itu, faktor yang menyebabkan keselamatan di serantau Indo-Pasifik terjejas ialah fenomena Covid-19. Sejak kemunculan coronavirus (Covid-19) pada akhir 2019, jumlah kumulatif kes yang disahkan di seluruh dunia telah melebihi 233 juta menjelang 30 September 2021, dengan lebih 4.77 juta kematian. Pandemik ini telah memberi kesan ekonomi dan sosial yang luar biasa kepada manusia, dan tiada penghujungnya. Walaupun vaksin telah diperkenalkan untuk mengukuhkan pertahanan masyarakat terhadap virus dan mengurangkan penyakit yang teruk dan kadar kematian, tetapi mereka masih tidak dapat menghapuskan Covid-19 yang berkembang. Memandangkan dilema keselamatan awam dan ketenteraman ekonomi dan sosial, masyarakat mungkin perlu menerima dan belajar untuk hidup bersama dengan Covid-19. Vaksinasi telah menyebabkan wabak ini terkawal, tetapi Covid-19 terus bermutasi, dan ramai pakar telah menunjukkan kemungkinan wujudnya virus influenza. Daripada ini menunjukkan bahawa Covid-19 ini memberi kesan buruk kepada tahap kesihatan dan kesejahteraan sosial masyarakat sedunia (Lee, 2021).

Konflik etnik juga merupakan salah satu faktor keselamatan terjejas di Indo-Pasifik. Hal ini disebabkan oleh di Indo-Pasifik meliputi agama yang berbeza, sebagai contoh agama Hindu (28.1%), Islam (19.7%), Buddha (12.7%), Taoisme (11.08%), dan Kristian (8.2%). Agama Hindu merupakan agama paling ramai iaitu mempunyai 1.16 billion penyokong dari Bangladesh, India, Nepal, Pakistan dan Sri Lanka. Menjelang 2050, dipercayai bahawa penganut agama Islam dan India dijangkakan semakin meningkat, namun terdapat kebimbangan terhadap penganut agama Buddha dijangkakan semakin berkurangan pada tahun tersebut. Oleh itu, Cina Han bertindak dengan membentuk penganut Buddha kepada penduduk di China, dan rakyat Taoisme, termasuk agnostik. Walau bagaimanapun, wilayah autonomi barat laut Xinjiang mempunyai sejumlah besar Uyghur iaitu kumpulan etnik minoriti Muslim Turki yang merupakan majoriti penduduk di rantau tersebut. Perkara ini telah menimbulkan isu ketidakpuasan hati antara Muslim dengan Buddha di China. Selain itu, terdapat juga isu berkenaan dengan kumpulan India bertujuan untuk menghasut orang Hindu melakukan keganasan terhadap penduduk India Muslim. Hal ini boleh mencetuskan perang saudagar antara Hindu dan Muslim. Di Indonesia juga telah menghadapi satu lagi bentuk diskriminasi antara 1998 dan 2005, majoriti etnik Sunni meningkatkan keganasan terhadap minoriti Ahmadiyah dan Syiah (NATO, 2022). Perkara ini telah menyebabkan hubungan baik antara agama akan terjejas disebabkan diskriminasi ini berlaku.

5.2 Faktor Ekonomi Terjejas di Indo-Pasifik

Faktor yang menyebabkan ekonomi terjejas di Indo-Pasifik ialah perubahan iklim. Indo-Pasifik kekal sebagai wilayah yang paling terdedah kepada bencana di dunia. Ia mengandungi 75% daripada gunung berapi dunia, manakala 90% daripada gempa bumi dunia berlaku di Lembangan Pasifik. Banyak negara di seluruh rantau ini tidak mempunyai keupayaan dan kapasiti yang mencukupi untuk menguruskan bencana alam dan sumber manusia. Perubahan iklim adalah lebih daripada krisis alam sekitar, ia adalah sistemik global dengan gangguan yang akan mengubah landskap geopolitik. Perubahan iklim ini juga menyebabkan bencana alam seperti hujan lebat, banjir, dan panas melampau. Perkara ini telah memberi kesan kepada sosioekonomi dan merugikan sektor-sektor ekonomi tertentu seperti pertanian, perikanan dan penternakan. Pemanasan lautan dunia ini mendorong ikan berpindah ke arah kutub bumi. Sekitar tiga perempat negara mempunyai sekurang-kurangnya satu spesies ikan yang berhijrah dari zon ekonomi eksklusif mereka. Menjelang 2030, 23% daripada stok ikan biasa di dunia

boleh berhijrah, dan melainkan pelepasan gas rumah hijau menurun secara drastik, jumlah itu boleh meningkat kepada 45% menjelang akhir abad ini. Perkara ini telah membimbangkan rantau ini, Laut China Timur telah pun mengalami kadar pemanasan sepuluh kali ganda kadar global. Peningkatan suhu laut adalah ketara memandangkan sifatnya yang sudah hangat dan ekosistem tropika. Unjuran aliran pergerakan stok ikan ini, terutamanya di rantau Indo-Pasifik, boleh menjejaskan perjanjian perikanan bersama, dan kuota tangkapan semasa mungkin memerlukan rundingan semula untuk mengambil kira kesan pergerakan ikan ke arah kutub atau ke perairan yang lebih dalam yang disebabkan oleh pemanasan global (NATO, 2022).

Selain itu, faktor yang menyebabkan ekonomi terjejas di Indo-Pasifik ialah perbelanjaan ketenteraan telah meningkat di rantau Indo-Pasifik sejak 1989. Sebagai contoh, China dijangka meningkatkan perbelanjaan ketenteraan sebanyak 7.2 % tahun 2023 iaitu mencecah sehingga 1,553.7 bilion yuan, kira-kira AS\$224.8 bilion atau RM1 trilion iaitu bilangan ini adalah menunjukkan peningkatan berbanding dengan tahun 2022. Perbelanjaan pertahanan China pada 2022 berjumlah 1,449.963 bilion yuan, kira-kira AS\$209.9 bilion atau RM939.51 bilion (Bernama, 2023). Perbelanjaan ini adalah terutamanya perbincangan tentang kawalan senjata nuklear memacu pemikiran strategik ketenteraan dan dengan itu, akibat mengenai perbelanjaan pertahanan. China mungkin mengekalkan kemandirian strategik tetapi sekiranya terdapat penglibatan dalam mana-mana pakatan pertahanan strategik, ia akan memberi kesan yang besar kepada dasar domestik negara lain, dan juga memberi kesan kepada perbelanjaan pertahanan mereka juga. Perbelanjaan pertahanan mencerminkan penilaian risiko negara dan keutamaan awam yang timbul daripada kekuatan ekonomi bagi setiap negara. Namun, perbelanjaan pertahanan ini kelihatan tidak dapat diramalkan, terutamanya terdapat isu Covid-19 dan krisis lain seperti perang Ukraine. Perkara ini adalah munasabah untuk mengandaikan bahawa trend perbelanjaan ketenteraan akan meningkat di seluruh dunia. Rentetan daripada itu, dana yang tersedia untuk program domestik akan dikurangkan, dana ini mungkin melakukan lebih banyak untuk merangsang pertumbuhan ekonomi (NATO, 2022). Perkara ini boleh rujuk pada rajah 7, yang memberi bukti bahawa negara China amat memberi keutamaan kepada perbelanjaan pertahanan atau ketenteraan.

Di samping itu, terdapat persaingan sengit antara China dengan Amerika Syarikat juga merupakan salah satu faktor ekonomi terjejas di Indo-Pasifik. Menjelang tahun 2010, China telah berubah menjadi negara pengeluar teknologi tinggi terkemuka di dunia dan menggantikan Amerika Syarikat. China merupakan pengeluar dalam sektor pembuatan utama di Global dan menjadi pesaing serius dalam teknologi asas abad ke-21, seperti AI, 5G, sains maklumat

kuantum (QIS) bioteknologi dan tenaga hijau. Selain itu, Beijing terdesak untuk mencapai kemerdekaan semi konduktor, manakala Pentadbiran Trump berusaha untuk menyekat rancangan China dengan sekatan terhadap syarikat teknologi dan telekomunikasi China, seperti Huawei. Semi konduktor ialah pembuatan cip atau teknologi asas maklumat daripada telefon pintar, kereta, sistem senjata dan pemacu kritikal yang menjejaskan hubungan Amerika Syarikat dan China serta status hubungan kedua-dua negara dengan Taiwan. Negara China kini mengekori Amerika Syarikat, ROK dan Taiwan dalam pengeluaran cip tetapi ia sedang melancarkan satu set langkah dengan subsidi negara utama untuk meningkatkan penyelidikan dan pembiayaan untuk sektor negeri, industri, ketenteraan dan komersial. Sebaliknya, teknologi China nasionalisme didorong oleh sektor teknologi yang berkembang pesat, terutamanya dalam sfera digital, dan menyebarkan platformnya, yang dikawal oleh China di negara lain, dan disebar secara meluas di Amerika Syarikat, tetapi juga di negara rantau Indo-Pasifik. Amerika Syarikat mengambil langkah untuk mengehadkan capaian syarikat teknologi yang berpangkalan di China. Langkah sedemikian adalah disebabkan oleh kebimbangan keselamatan negara yang berkaitan dengan ekonomi, keselamatan siber atau ancaman terhadap hak sivil. Selain itu, teknologi, seperti rangkaian 5G daripada Huawei dan penggunaan platform berdasarkan infrastruktur awam, seperti Tik Tok, menimbulkan persoalan tentang privasi data, kebebasan bersuara dan daya saing ekonomi. Perkara ini menjejaskan hubungan baik antara dua buah negara ini (NATO, 2022).

5.3 Kesan kepada Keselamatan di Indo-Pasifik

Antaranya, kesan kepada keselamatan di Indo-Pasifik ialah menimbulkan ketegangan persaingan antara China dengan Amerika Syarikat yang disebabkan oleh perlumbaan senjata. Sebagai negara yang paling berkuasa di Indo-Pasifik dan global, pemimpin dalam pembangunan AI, ketegangan persaingan antara China dan Amerika Syarikat sering menimbulkan perbandingan dengan perlumbaan angkasa antara Amerika Syarikat dengan Soviet era Perang Dingin. Sebagai tindak balas kepada perlumbaan senjata AI global, dan untuk mengekalkan keunggulan Amerika Syarikat serta kelebihan penggerak pertama dalam AI, Jeneral Amerika Syarikat John Allen dan Ketua Pegawai Eksekutif Spark Cognition Amir Husain telah berhujah bahawa Amerika Syarikat mesti bergerak lebih jauh dan lebih pantas untuk mengelak negara China mendahului Amerika Syarikat dalam pembangunan AI. Pada tahun 2017, Presiden China Xi Jinping secara eksplisit menyeru agar agenda 'intelijensi' tentera

dipercepatkan, supaya menjadikan negara China dengan lebih baik dalam perkembangan peperangan moden bagi menentang musuh yang hampir sama, iaitu Amerika Syarikat (Johnson, 2022). Prinsip tidak mengalah kedua-dua pihak ini turut memberi kesan kepada hubungan baik antara kedua-dua negara.

Selain itu, kesan kepada keselamatan di Indo-Pasifik ialah krisis alam sekitar berpunca daripada perubahan iklim. Krisis ini adalah ancaman sistemik global dengan gangguan yang mempunyai kapasiti untuk mengubah landskap geopolitik. Ancaman ini merupakan salah satu kesan berpotensi yang paling banyak merosakkan wilayah Indo-Pasifik. Perubahan iklim dengan perubahan corak cuaca dan kenaikan paras laut mungkin merupakan cabaran terbesar kepada rantau Indo-Pasifik. Rantau ini mengandungi 75% daripada gunung berapi dunia dan 90% daripada gempa bumi dunia, yang berlaku di Lembangan Pasifik. Memandangkan banyak negara di rantau ini tidak mempunyai cara untuk menguruskan bencana alam. Perkara ini turut memberi kesan kepada sosial iaitu orang ramai akan berasa tidak selesa dan tidak selamat semasa berada di rumah mereka. Oleh itu, ketidakstabilan akan meningkat disebabkan penghijrahan yang semakin meningkat, dan ini mungkin memaksa negara serantau untuk mengimbangi sumber mereka antara bantuan bencana dan cabaran keselamatan domestik yang lain. Menjelang 2040 dan seterusnya, NATO akan semakin menghadapi isu di mana negara-negara serantau yang berfikiran meminta sokongan untuk menangani isu sedemikian (NATO, 2022).

Di samping itu, kesan kepada keselamatan di Indo-Pasifik ialah diskriminasi agama minoriti akan mencetuskan gelombang penghijrahan baru ke Eropah. Sebagai contoh, komuniti agama yang ditindas di China, India, Indonesia, Pakistan, dan Bangladesh membentuk populasi hampir 280 juta secara keseluruhan. Jumlah ini lebih tinggi daripada pendatang Syria, Iraq, Afghani, dan Ukraine, yang terpaksa melarikan diri ke Eropah untuk melarikan diri daripada pertikaian, peperangan dan pencerobohan. Pergerakan ini, akan memberi gangguan berterusan kepada kumpulan majoriti di negara-negara Indo-Pasifik boleh menyebabkan perang saudara, pergolakan sosial atau konflik berdarah. Oleh itu, perkara ini menimbulkan isu ketidakpuasan hati antara masyarakat di sesebuah negara yang terdapat perpindahan atau penghijrahan dari pendatang asing ke negara jiran di rantau ini. Keadaan yang tidak stabil ini, boleh membawa kepada gelombang penghijrahan ke Eropah, dan akan mencetuskan kebimbangan keselamatan yang lebih serius daripada migrasi tidak teratur ini (NATO, 2022). Rentetan daripada itu, turut memberi kesan kepada tahap keselamatan terhadap sosial di negara tertentu.

5.4 Kesan kepada ekonomi di Indo-Pasifik



Antara kesan kepada ekonomi akibat faktor perubahan iklim di Indo-Pasifik ialah risiko keselamatan makanan dan air. Walaupun di Indo-Pasifik mempunyai sumber semula jadi yang lengkap, namun rantau ini sangat terdedah kepada ancaman keselamatan makanan dan air. Hal ini disebabkan oleh rantau ini berdekatan dengan kawasan pantai dan terkesan daripada siklon tropika. Letusan gunung berapi menyebabkan peningkatan suhu di rantau ini, namun terdapat juga peningkatan banjir yang disebabkan oleh limpahan air laut. Perkara ini turut memberi kesan buruk terhadap hasil tanaman di negara terbabit. Perkara ini bukan sahaja akan menyebabkan masalah kekurangan makanan malah berpotensi berlakunya perpindahan dari tanah subur ke tempat lain. Kenaikan suhu juga akan mengubah pengasidan dan arus lautan, menjejaskan biodiversiti marin dan memaksa penghijrahan stok di rantau yang sangat bergantung kepada stok ikan sebagai sumber protein utamanya. Rentetan daripada itu, akan menjejaskan kegiatan ekonomi nelayan yang terpaksa mencari hasil tangkapan di kawasan yang baru (NATO, 2022).

5.5 Langkah untuk Menjamin Keselamatan dan Ekonomi di Indo-Pasifik

Langkah untuk menjamin keselamatan Indo-Pasifik ialah pertubuhan Undang-undang Antarabangsa dan *ASEAN Way*. Sebagai contoh, pegawai Indonesia menekankan pematuhan undang-undang antarabangsa dan Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Dalam konteks ini mengandungi prinsip kerjasama pelbagai hala seperti "kerjasama aman" dan "dialog" yang berperanan sebagai rundingan aman. Di samping itu, identiti pasca kolonial Indonesia juga relevan dalam konteks normatif ini terutamanya peranan kepimpinan negara dalam Pergerakan Negara-Negara Berkecuali. Contohnya, "Prinsip Bandung" adalah norma penting bagi sudut Jakarta yang menekankan kesamarataan semua negara, pemeliharaan integriti dan kedaulatan wilayah, keamanan kerjasama, larangan campur tangan dalam hal ehwal dalaman negara lain, serta larangan menyertai pakatan pertahanan kolektif yang berkhidmat untuk kepentingan khas kuasa besar. Tatakelakuan Jakarta di Indo-Pasifik mencerminkan set norma tersebut iaitu penolakan ancaman dan penggunaan kekerasan dan penyelesaian konflik secara aman, kerjasama serantau dan tidak campur tangan dalam hal ehwal dalaman negara lain (Heiduk, 2022).

Selain itu, perjanjian antarabangsa juga merupakan salah satu langkah bagi menjamin keselamatan di Indo-Pasifik. Sebagai contoh, usaha Indonesia dalam menangani isu *Illegal, Unreported and Unregulated Fishing* (IUU) atau Perikanan Haram, Tidak Dilaporkan, dan Tidak Kawal itu memerlukan usaha bersepadu daripada pelbagai negara serantau untuk menghentikan penangkapan ikan di perairan Indonesia. Berdasarkan peraturan, undang-undang, dan perjanjian IUU antarabangsa, Indonesia berjaya berkerjasama dengan negara jiran untuk menghentikan semua aktiviti penangkapan ikan di perairan negara tertentu supaya stok ikan dapat diisi semula. Tambahan pula, IUU diisytiharkan sebagai jenayah terancang transnasional kerana terdapat kapal-kapal yang sering terlibat dalam penyeludupan dadah secara haram. Berdasarkan dasar ini, tindakan selanjutnya akan diambil oleh aktor-aktor bagi mengenalpasti ancaman yang berlaku di rantau ini seperti ancaman maritim dan cetak rompak (Valenti, 2022).

Di samping itu, langkah bagi menjamin keselamatan di Indo-Pasifik ialah penstrukturan Vaksin COVAX. Bagi mengatasi fenomena Covid-19, COVAX ialah salah satu daripada empat tonggak sistem vaksin, diagnosis, rawatan dan kesihatan di bawah Akses kepada Alat Covid-19 (*ACT- Accelerator*), yang dicipta oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan organisasi lain. Tujuannya adalah untuk menyediakan akses saksama kepada vaksin Covid-19, terutamanya kepada negara yang berpendapatan rendah. Selain WHO, COVAX dikendalikan oleh Tabung Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF), Perikatan Global untuk Vaksin dan Imunisasi (GAVI), dan Pakatan untuk Inovasi Kesiapsiagaan Wabak (CEPI). Menjelang awal 2021, negara dan ekonomi telah menyertai COVAX, termasuk 92 negara berpendapatan rendah dan sederhana serta 100 negara yang dibiayai sendiri. Mekanisme COVAX, 600,000 dos pertama vaksin AstraZeneca tiba di Ghana pada 24 Februari 2021. Ini adalah kemajuan yang ketara dalam sistem tadbir urus kesihatan awam global. COVAX pada asalnya merancang untuk mengedarkan sekurang-kurangnya 2 bilion dos vaksin ke seluruh dunia menjelang akhir 2021, dengan 1.3 bilion dos akan disalurkan ke negara berpendapatan rendah dan sederhana, membolehkan 20 peratus penduduk dunia divaksinasi. Sehingga 30 September 2021, COVAX telah menghantar vaksin ke 144 negara dan wilayah diseluruh dunia (Lee, 2021).



Rajah 1: Menunjukkan negara yang menunggu COVAX dan negara yang menderma COVAX
Sumber: *Statista*

Selain langkah menjamin keselamatan, namun terdapat juga langkah menjamin ekonomi di Indo-Pasifik iaitu perundingan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Persidangan Perubahan Iklim PBB di Glasgow (COP26) pada November 2021 mencadangkan tenaga nuklear dapat memainkan peranan penting dalam usaha penyahkarbonan. Menerusi rundingan dan dialog ini menyatakan bahawa tenaga nuklear ini mempunyai sistem penyejukan yang lebih baik, penutupan yang lebih cepat dan tindak balas kecemasan yang lebih pantas. Sistem penyejukan yang baik tersebut dapat menstabilkan suhu di lautan serta dapat mengelakkan berlakunya migrasi ikan ke tempat lain. Dengan adanya sistem ini maka stok ikan dapat dikekalkan (NATO, 2022).

6.0 KESIMPULAN

Indo-Pasifik nama kawasan yang merujuk kepada ruang yang saling berkaitan antara Lautan Hindi dan Lautan Pasifik. Luasnya telah diperdebatkan bermula dari pantai timur Afrika hingga pantai barat Amerika Syarikat. Indo pasifik terdiri daripada beberapa bahagian yang dinamakan indo-pasifik bahagian barat, indo-pasifik bahagian tengah dan indo pasifik bahagian timur dengan beberapa negara dan kawasan di dalamnya. Semua negara yang berada di dalam indo-pasifik mempunyai pemahaman yang sama untuk saling berfungsi, saling berhubungan dan saling bergantung antara satu sama lain. Kedua-dua lautan adalah hasil daripada kuasa globalisasi, perdagangan, dan perubahan persamaan yang semakin meningkat

antara pelbagai negara yang telah memecahkan sempadan lama dan membuka jalan baharu. Terdapat pemikiran dan pendapat yang semakin meningkat bahawa Indo-Pasifik adalah pusat dunia dari segi politik dan ekonomi kerana ia mengandungi laluan laut yang paling penting di dunia dan negara yang paling ramai penduduk di dunia yang menyumbang kepada permintaan tenaga yang tinggi.

Wilayah Indo-Pasifik ialah kawasan yang penting secara strategik yang merangkumi Lautan Hindi dan Lautan Pasifik, serta negara-negara di sekelilingnya yang dapat menjadi pusat perniagaan dan perdagangan global, dengan populasi yang besar dan bahagian yang besar daripada KDNK dan perdagangan barang dagangan dunia. Wilayah ini di cirikan oleh penguasaan dan persaingan antara negeri, serta kerjasama. Pelbagai pihak berkepentingan, termasuk Amerika Syarikat, Jepun, Australia, dan India, mempunyai tafsiran yang berbeza tentang pembinaan Indo-Pasifik. Walaupun terdapat konsensus yang luas mengenai keperluan untuk "Indo-Pasifik yang bebas dan terbuka," negara-negara tetap samar-samar tentang peranan China di rantau ini. Rantau ini menghadapi ancaman keselamatan bukan tradisional, seperti cabaran alam sekitar dan kesan buruk aktiviti komersial manusia. Untuk menggalakkan integrasi ekonomi dan menangani cabaran ini, terdapat keperluan untuk seni bina ekonomi yang lebih luas dan lebih mantap di Indo-Pasifik. Meningkatkan hubungan, mempelbagaikan rangkaian perdagangan dan membina infrastruktur yang berdaya tahan adalah kunci untuk meningkatkan hubungan komersial serantau. Selain itu, menangani keselamatan manusia, menggalakkan kerjasama digital dan mengurangkan cabaran yang disebabkan oleh perubahan iklim adalah penting untuk memupuk hubungan yang tahan lama di rantau ini.

Rangka Kerja Ekonomi Indo-Pasifik untuk Kemakmuran (IPEF) ialah inisiatif ekonomi yang bertujuan untuk memupuk keselamatan ekonomi, teknologi yang dipercayai dan kerjasama keselamatan di rantau Indo-Pasifik. Ia mewakili usaha kerjasama antara negara di rantau ini untuk menangani cabaran ekonomi dan menggalakkan matlamat ekonomi bersama. Kerjasama keselamatan di Indo-Pasifik melibatkan usaha kerjasama di kalangan negara di rantau ini untuk menangani pelbagai cabaran keselamatan, termasuk isu keselamatan tradisional seperti pertahanan ketenteraan, serta isu keselamatan bukan tradisional seperti keselamatan maritim, bantuan kemanusiaan dan tindak balas bencana, operasi pengaman, tindakan lombong kemanusiaan, keselamatan siber, dan bukan percambahan dan pelucutan senjata. IPEF adalah sebahagian daripada usaha yang lebih luas untuk membentuk landskap institusi ekonomi di Indo-Pasifik dan menangani pelbagai cabaran yang dihadapi oleh rantau ini. Ia memberi tumpuan kepada bidang seperti kerjasama maritim, ketersambungan,

pembangunan mampan, rantaian bekalan, mineral kritikal dan kerjasama teknologi. Rangka kerja ini bertujuan untuk menggalakkan kerjasama dan pembangunan ekonomi di rantau ini, dengan tumpuan untuk meningkatkan keselamatan ekonomi dan menangani isu ekonomi dan keselamatan yang saling berkaitan.

Secara ringkasannya, terdapat beberapa faktor yang menjejaskan keselamatan dan ekonomi di Indo-Pasifik. Dengan adanya faktor pencetus ini, turut memberi kesan kepada keselamatan dan ekonomi di rantau ini. Bagi mengatasi isu ini berlaku, langkah-langkah tertentu perlu diberi perhatian bagi menjaminkan keselamatan dan ekonomi di rantau ini. Implikasi kajian, adalah pengkaji dapat mengetahui bahawa, kerjasama antara negara serantau adalah sangat penting bagi menjaminkan keselamatan dan kestabilan ekonomi. Oleh itu, semua negara perlulah tidak memandang enteng dengan kerjasama ini.

RUJUKAN

- Amani, N. K. (2023, Oktober 30). *AS Garap Inisiatif Ketahanan Ekonomi di Indo-Pasifik, RI ikut Terlibat: Liputan6.com*. Didapatkan dari Liputan6.com: <https://www.liputan6.com/bisnis/read/5436977/as-garap-inisiatif-ketahanan-ekonomi-di-indo-pasifik-ri-ikut-terlibat>
- Arumugam, S. (2023, Oktober 27). *Terkejut Perjanjian Dagang dirunding secara Rahsia: Utusan Malaysia*. Didapatkan dari Utusan Malaysia: <https://www.utusan.com.my/rencana/forum/2023/10/terkejut-perjanjian-dagang-dirunding-secara-rahsia/>
- Arya, A. (2022). Maritime Security Challenges in the Indo-Pacific Region. *International Journal of Political Science and Governance*, 149-154.
- Aslam, D. M. (2021, Ogos 12). *Konflik di Laut China Selatan Makin Gending*. Didapatkan dari Metro: <https://www.hmetro.com.my/rencana/2021/08/741467/konflik-di-laut-china-selatan-makin-gending>
- Azmi, H. (2019, Julai 20). *Memahami Teknologi Kecerdasan Buatan (AI): Astro Awani*. Didapatkan dari Astro Awani: <https://www.astroawani.com/berita-teknologi/memahami-teknologi-kecerdasan-buatan-ai-213109>
- BAKER, C. (2023, MARCH 10). *Strategic Competition and Security Cooperation in the Indo-Pacific*. Retrieved from PACIFIC FORUM INTERNATIONAL: https://pacforum.org/wp-content/uploads/2023/03/Issues_and_Insights_Vol23_SR3.pdf
- Berita Harian. (2023, Januari 13). *Sweden Temui Sumber Nadir Bumi Terbesar di Eropah: Berita Harian*. Didapatkan dari Berita Harian: <https://www.bharian.com.my/dunia/eropah/2023/01/1051300/sweden-temui-sumber-nadir-bumi-terbesar-di-eropah>
- Bernama. (2023, Mac 6). *China dijangka tambah perbelanjaan ketenteraan tahun ini*. Didapatkan dari Malaysia Now: <https://www.malaysianow.com/my/out-there-now/2023/03/06/china-dijangka-tambah-perbelanjaan-ketenteraan-tahun-ini>
- BERNAMA. (2023, Disember 17). *Jepun ASEAN Setuju Perkukuh Kerjasama Keselamatan Maritim: Berita Harian*. Didapatkan dari Berita Harian: <https://www.bharian.com.my/dunia/asean/2023/12/1190142/jepun-asean-setuju-perkukuh-kerjasama-keselamatan-maritim>
- Brock, T. (2023, Mac 22). *Marxism : What It Is and Comparison to Communism, Socialism, and Capitalism*. Didapatkan dari Investopedia: <https://www.investopedia.com/terms/m/marxism.asp>
- Buchholz, K. (2022, Januari 18). *Which Countries Are Still Waiting for COVAX Doses*. Didapatkan dari Statista: <https://www.statista.com/chart/24520/covid-19-vaccines-delivered-under-covax/>

- Canada. (2023, JULY 24). *Canada's Indo-Pacific Strategy*. Didapatkan dari Government of Canada: <https://www.international.gc.ca/transparency-transparence/indo-pacific-indo-pacifique/index.aspx?lang=eng>
- DAS, U. (2019, JULY 13). *What Is the Indo-Pacific?* Didapatkan dari THE DIPLOMAT: <https://thediplomat.com/2019/07/what-is-the-indo-pacific/>
- Defence Security Asia. (2021, Julai 9). *Projek "Belt And Road Initiative (BRI)" Untuk Penuhi Keperluan Strategik China – Bekas Menteri Indonesia: Defence Security Asia*.
Didapatkan dari Defence Security Asia: <https://defencesecurityasia.com/projek-belt-and-road-initiative-bri-untuk-penuhi-keperluan-strategik-china-bekas-menteri-indonesia/>
- Delhi, P. (2023, MAY 28). *Successful and substantial conclusion of text-based negotiations of IPEF Pillar-II (Supply Chains); good progress under other Pillars*. Didapatkan dari Ministry of Commerce & Industry: <https://pib.gov.in/PressReleaseIframePage.aspx?PRID=1927826>
- Denver. (2023, Jun 28). *Perang Artificial Intelligence antara US dan China: Berita Tular*. Didapatkan dari Berita Tular: <https://berita-tular.com/2023/06/28/perang-artificial-intelligence-antara-us-dan-china/>
- Diplomacy, F. (2023, FEBRUARY). *The European Union in the Indo-Pacific*. Didapatkan dari France Diplomacy: <https://www.diplomatie.gouv.fr/en/country-files/regional-strategies/indo-pacific/the-european-union-in-the-indo-pacific/>
- European Union. (2023, Jun 23). *Economic security: a new horizon for EU foreign and security policy: European Union*. Didapatkan dari European Union: https://www.eeas.europa.eu/eeas/economic-security-new-horizon-eu-foreign-and-security-policy_en
- Fontelles, J. B., & Billstrom, T. (2023, MAY 13). *EU seeks deeper partnerships to tackle Indo-Pacific challenges*. Didapatkan dari NIKKEI Asia: <https://asia.nikkei.com/Opinion/EU-seeks-deeper-partnerships-to-tackle-Indo-Pacific-challenges>
- GHOSH, A. K., SARKAR, D., & CHAUDHURY, A. B. (2022, FEBRUARI 22). *Security, Economy, and Ecology: Setting Priorities for Cooperation in the Indo-Pacific*. Retrieved from OBSERVER RESEARCH FOUNDATION: <http://20.244.136.131/research/security-economy-and-ecology>
- Grace, F., & Reuter, M. (2021, SEPTEMBER 13). *MOVING CLOSER: EUROPEAN VIEWS OF THE INDO-PACIFIC*. Didapatkan dari EUROPEAN COUNCIL ON FOREIGN RELATIONS: <https://ecfr.eu/wp-content/uploads/Moving-closer-European-views-of-the-Indo-Pacific.pdf>
- Heiduk, F. (2022). *Security in the Indo-Pacific*. *SWP Research Paper*, 1-37.
- Johari, S. (2021, Disember 14). *[KOLUMNIS] Peralihan semula ke Asia: Menafsir 'Langkah Indo-Pasifik' AS dalam mendepani dominasi China: Astro Awani*. Didapatkan dari Astro Awani : <https://www.astroawani.com/berita-dunia/kolumnis-peralihan->

[semula-ke-asia-menafsir-langkah-indopasifik-dalam-mendepani-dominasi-china-336236](#)

- Johnson, J. (2022). The US, Indo-Pacific, AI and Emerging Security Technologies.
- N. Wali Aslam, *The Routledge Handbook of US Foreign Policy in the Indo-Pacific* (hlm. 478-490). London: Routledge.
- Karim, M. S. (2020). Australia's Engagement in the International Maritime Organisation for Indo-Pacific Maritime Security. *Elsevier*, 1-5.
- Lee, C. C. (2021). *COVID-19 Pandemic and the Indo-Pacific Order*. Security Landscape of the Indo-Pacific Region.
- McCarthy, N. (2021, May 5). *The Governments Donating The Most Money To COVAX*. Didapatkan dari Statista: <https://www.statista.com/chart/24244/donations-to-covax-by-country/>
- McIntosh, & Bill. (2022, FEBRUARY 12). *INDO-PACIFIC STRATEGY OF THE UNITED STATES*. Didapatkan dari THE WHITE HOUSE WASHINGTON: <https://www.whitehouse.gov/wp-content/uploads/2022/02/U.S.-Indo-Pacific-Strategy.pdf>
- Mohammad Mojibul Hoque Mozumder, M. M.-A. (2023). Governance of Illegal, Unreported, and Unregulated (IUU) Fishing in Bangladesh : Status, Challenge and Potentials. *Frontiers in Marine Science*, 1-16.
- NATO. (2022). *Regional Perspectives Report on the Indo-Pacific*. USA: Allied Command Transformation.
- Rachel S. Friedman, R. M.-C. (2022). Sanning Models of Food Systems Resilience in the Indo-Pacific Region. *Frontiers in Sustainable Food Systems*, 1-14.
- Relations, I. (2023, SEPTEMBER 29). *Significance of Indo-Pacific*. Didapatkan dari DAILY UPDATES: <https://www.drishtias.com/daily-updates/daily-news-analysis/significance-of- indo-pacific>
- Suruhanjaya Eropah. (2023, November 14). *Perdagangan unsur nadir bumi meningkat pada 2022*: *eureporter*. Didapatkan dari *eureporter*: <https://ms.eureporter.co/economy/eurostat-economy/2023/11/14/trade-in-rare-earth-elements-increases-in-2022/>
- Tertia, J. (2018). Maritime Security in Indo-Pacific : Issues, Challenges and Prospects. *Jurnal Ilmiah Hubungan Internasional*, 1-17.
- Tumin, M. (2023, Februari 23). *China dan Amerika Syarikat dalam Persaingan Ekonomi Teknologi Tinggi*. Didapatkan dari Dewan Masyarakat: <https://dewanmasyarakat.jendeladbp.my/2023/02/23/12528/>
- Valenti, D. A. (2022). Indo-Pacific Threats, Security and Cooperation. *Friedrich Naumann Foundation*, 1-13.
- Vashisht, D. P. (2023, APRIL 24). *Indo-Pacific Strategies: What Do They Entail for India?*

Didapatkan dari AIR UNIVERSITY (AU):
<https://www.airuniversity.af.edu/JIPA/Display/Article/3371487/indo-pacific-strategies-what-do-they-entail-for-india/>

Yahaya, I. H. (2023, September 8). *Elak Skala Konflik di Laut China Selatan Meningkat*.

Didapatkan dari Berita Harian:
<https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2023/09/1149795/elak-skala-konflik-di-laut-china-selatan-meningkat>

Yahaya, K. (2023, Oktober 19). *Isu berkepentingan Malaysia dibawa dalam Pusingan Ke-6 Rundingan IPEF: Malaysia Gazette*. Didapatkan dari Malaysia Gazette:
<https://malaysiagazette.com/2023/10/19/isu-berkepentingan-malaysia-dibawa-dalam-pusingan-ke-6-rundingan-ipef/>